

21 FEB 2001

Sabah-Penggiliran (Analisis Berita)
PERMAINAN "RODA IMPIAN" POLITIK SABAH

Oleh: Jackson Sawatan

KOTA KINABALU, 21 Feb (Bernama) -- Penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah boleh dikaitkan dengan rancangan popular televisyen "Roda Impian". Kedua-duanya adalah mengenai putaran.

Sementara pertunjukan permainan membabitkan putaran roda, yang satu lagi pula mengenai penggiliran jawatan ketua eksekutif negeri di kalangan para pemimpin masyarakat utama negeri.

Seperti dalam pertunjukan permainan popular itu, sistem putaran juga membabitkan tiga "pemain" -- Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera bukan Islam -- yang akan bergilir-gilir mengetuai kerajaan negeri selama dua tahun.

Namun tidak seperti pertunjukan permainan dengan para pemain mungkin perlu memutar roda beberapa kali untuk mendapat petunjuk yang mencukupi bagi mencari jawapan, sistem penggiliran Sabah hanya telah digilirkan sebanyak empat kali -- dua kali di kalangan Bumiputera Islam dan masing-masing satu di kalangan Cina dan Bumiputera bukan Islam.

Walaupun pusingan kedua sistem itu masih boleh selesai, sesetengah berkata kebanyakan bukti, sama ada sistem itu baik atau tidak, sudah dapat dilihat.

Mereka yang lebih maklum dan pemerhati politik Sabah setakat ini sudah mendapat bukti yang mencukupi untuk meneka sendiri mengenai sama ada sistem itu baik atau tidak, tanpa perlu memutar roda.

Persoalannya sekarang ialah sama ada para pemain masih perlu melakukan putaran terakhir supaya mendapat lebih banyak petunjuk atau membawa jawapan yang tepat sekarang.

Seperti juga pertunjukan permainan, satu lagi putaran mungkin bermaksud melanjutkan kegunaan sistem itu. Sekali lagi, jika sistem itu tidak sesuai seperti yang didakwa oleh banyak pengkritik, maka putaran lanjut boleh meningkatkan risiko lanjutan sistem yang tidak dapat dipertahankan.

Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri Datuk Abdul Rahim Ismail berkata: "sistem itu telah mewujudkan banyak masalah dalam pembangunan jangka panjang negeri kerana kekerapan perubahan pucuk pimpinan pentadbiran negeri."

Aturan yang unik yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa kempen Pilihan Raya Negeri Sabah 1994, dilaksanakan sepenuhnya apabila Barisan Nasional (BN) mengambil alih pentadbiran negeri pada 17 Mac 1994.

Pada masa itu, Dr Mahathir berkata sistem itu memberi peluang kepada semua kaum utama di Sabah mengetuai kerajaan.

"Ini adalah kali pertama kami memberi jaminan bahawa seorang Cina boleh menjadi Ketua Menteri ... ia mungkin bukan untuk jangka panjang tetapi ia juga sama untuk Bumiputera.

"Jadi, jika ia hanya selama enam tahun (untuk melengkapkan satu pusingan penggiliran), kemenangan mesti diberi kepada BN pada akhir tiap lima tahun apabila pilihan raya diadakan," katanya.

Sistem penggiliran -- yang menyaksikan perubahan segera ketua menteri sejak tujuh tahun lepas -- juga diharap dapat menamatkan perasaan satu kumpulan etnik menjadi mangsa setiap kali kerajaan baru dibentuk dan yang lama ditewaskan.

Seorang bekas ketua menteri yang melalui system itu berkata penggiliran

itu mempunyai merit kerana ia membebaskan negeri itu daripada apa yang diistilahkan sebagai "sumpahan berubahnya pendapat umum" yang berlaku setiap kali berlaku perubahan dalam kerajaan setiap sembilan atau 10 tahun.

"Setiap kali berubahnya pendapat umum dari satu arah kepada yang lain, ia menjejaskan teruk pihak yang lain... seperti juga setiap kali ada perubahan dalam kerajaan, ia akan menimbulkan kebimbangan di kalangan sesetengah kumpulan penduduk," katanya.

Aturan yang berniat baik itu bagaimanapun mempunyai kelemahan seperti yang disebut oleh Dr Mahathir sendiri minggu lepas -- sistem itu cenderung untuk mewujudkan siri ketua menteri yang kurang berkesan atau "lame-duck".

"Rakyat tidak hirau apa yang beliau lakukan kerana mereka hanya menunggu masa beliau digantikan dengan orang lain," kata Dr Mahathir.

Selain itu, sistem itu juga merupakan punca jatuh bangunnya seorang ketua menteri, menjadikan beliau hampir-hampir tidak bekerja selepas tempoh dua tahunnya berakhir walaupun secara nyatanya kerajaan yang beliau bantu wujudkan masih berkuasa.

Sekarang, persoalannya ialah sama ada perlu menerus atau memansuhkan sistem itu yang dilihat telah memecahkan penduduk Sabah kepada sekurang-kurangnya tiga segmen -- mereka yang mahukan sistem itu, menentang dan golongan yang menerima apa sahaja keputusan yang dibuat oleh Perdana Menteri.

Dalam apa yang dilihat sebagai satu gerakan muktamad bagi sistem itu diteruskan, seorang pemimpin bahagian parti komponen BN berkata jika sistem itu hendak dimansuhkan, ia sesuai dilakukan selepas pilihan raya negeri akan datang, yang dijadual pada awal 2004.

"Elok kita buat pusingan lengkap bagi pusingan kedua sistem itu," katanya.

Suasana di Sabah kini bagaimanapun mahu melihat keputusan muktamad mengenai perkara itu segera kerana semua petunjuk sudah ada dan apa yang perlu dilakukan ialah hanya membaca jawapannya.

"Pendirian kami ialah penggiliran patut dimansuhkan dan kami sudahpun menghantar memorandum kepada Perdana Menteri tahun lepas," kata Ketua Pemuda Umno Sabah Tawfiq Abu Bakar Titingan.

Sedang semua kemungkinan pro dan kontra mengenai sistem itu dibahaskan secara mendalam dan didengar dari semasa ke semasa, nasib sistem itu kini bergantung kepada pandangan bertulis dan cadangan oleh para pemimpin komponen BN Sabah, yang akan diserahkan kepada Dr Mahathir dalam tempoh beberapa hari lagi.

Cara penggiliran itu dibahaskan sejak kebelakangan ini dengan sendirinya sesuatu yang belum pernah berlaku sebelum ini dan mungkin merupakan isyarat bahawa sesuatu yang mengejutkan mengenai masa depan sistem itu.

Presiden Angkatan Keadilan Rakyat (Akar) Datuk Pandikar Amin Mulia berkata: "Elok saya katakan begini...jika sistem itu tidak berkesan dan tidak mendatangkan manfaat kepada Sabah dan penduduknya, maka ia patut diubah."

Masa depan sistem penggiliran itu masih menjadi tanda tanya. Tetapi apa yang menjadi taruhan ialah kestabilan politik Sabah yang berkait rapat kepada sama ada sistem itu baik atau sebaliknya.

-- BERNAMA

JS AU LAT RON